

Headline **Kementerian kembang Puspa Tani seluruh negara**  
Date **09. Jun 2008** Language **MALAY**  
Media Title **Berita Harian** Page No **7**  
Section **Nasional** Article Size **231** cm2  
Circulation **217920** Frequency **Daily**  
Readership **2083000** Color **Full Color**



## Kementerian kembang Puspa Tani seluruh negara

**J**ELI: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan mengembangkan Pusat Urusan Seheniti Perkhidmatan dan Informasi Agro Tani (Puspa Tani) ke seluruh negara dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) apabila pusat pertama di Jeli mencapai kejayaan.

Menterinya, Datuk Mustapa Mohamed, berkata Puspa Tani di Jeli ini akan menjadi projek perintis kepada usaha untuk mengembangkannya ke seluruh negara sekiranya ia mampu membantu meningkatkan sektor pertanian di jajahan ini.

Katanya, penilaian akan dilakukan selepas sebulan Puspa Tani di Jeli ini beroperasi sebelum satu pendekatan baru dapat dihasilkan ke arah usaha mengembangkan perkhidmatan seperti ini ke seluruh negara.

"Untuk sementara waktu, Puspa Tani Jeli ini akan men-

jadi perintis dan sekiranya mencapai kejayaan, saya akan mengesyorkan program ini dikembangkan ke seluruh negara, mungkin dalam RMK-10 nanti. Sekiranya dikembangkan nanti, saya akan memilih kawasan yang terbabit dengan pertanian saja," katanya.

Beliau memberitahu pemberita selepas merasmikan Puspa Tani dan Hari Terbuka Bersama Pakar Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam. Hadir sama Pengarah Pertanian negeri, Maliha Ghazali dan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha Raja Abdullah.

Puspa Tani akan menjadi pusat informasi dan maklumat pertanian setempat dengan membabitkan semua agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Lembaga Pertubuhan Peladang dan Agro Bank.